

Perluas PPVAZ di negeri zon merah

Susulan sambutan menggalakkan program sukarelawan fasa pertama AstraZeneca

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN

KUALA LUMPUR

Kerajaan bercadang mengembangkan pemberian vaksin AstraZeneca di beberapa negeri zon merah dengan mewujudkan Pusat Pemberian Vaksin AstraZeneca (PPVAZ).

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, cadangan itu dibuat susulan sambutan menggalakkan pada program sukarelawan fasa pertama vaksin tersebut.

Menurutnya, bagi pendaftaran sukarelawan pertama, slot temu janji penuh ditempah dalam tempoh tiga jam.

"Kita akan memilih negeri yang akan terlibat bagi fasa dua sukarelawan vaksin AstraZeneca apabila menerima satu juta dos vaksin itu bulan ini," katanya

Kita akan memilih negeri yang akan terlibat bagi fasa dua sukarelawan vaksin AstraZeneca apabila menerima satu juta dos vaksin itu bulan ini."



KHAIRY



FOTO: BERNAMA

Khairy membuat lawatan di Pusat Pemberian Vaksin AstraZeneca di WTCKL pada Rabu.

selepas meninjau hari pertama pemberian vaksin AstraZeneca di PPVAZ Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) pada Rabu.

Khairy juga berpuas hati dengan proses pemberian vaksin pada hari pertama di PPVAZ terbabit.

Setakat jam 12 tengah hari Rabu, sebanyak 682 dos pertama vaksin Astra-

Zeneca telah diberikan kepada individu berdaftar di PPVAZ WTCKL diikuti 449 di PPVAZ Universiti Malaya dan 493 di PPVAZ Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mengulas lanjut mengenai dakwaan sesetengah individu yang tidak mendapat tarikh temu janji selepas mendaftar sebagai sukarelawan vaksin AstraZeneca, Khairy berkata, masalah utama yang dikesan ialah nombor kad pengenalan tidak sepadan dengan nama didaftarkan pada aplikasi MySejahtera.

Katanya, jika nombor kad pengenalan tidak sepadan, individu tidak boleh didaftarkan untuk menerima vaksin tersebut.

"Bagi masalah tersebut, saya akan berbincang dengan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) untuk mencari jalan penyelesaian.

"Bagaimanapun, bagi mereka yang belum menerima temu janji boleh emel ke MySejahtera," katanya.

REAKSI



Saya yakin untuk mengambil vaksin AstraZeneca kerana keluarga terdekat di United

Kingdom sudah mengambil vaksin itu dan semua mereka dalam keadaan yang sihat." - Guru, Gillian Holland, 33



Alhamdulillah saya rasa okay dan tidak berasa sebarang kesan sampingan selepas

30 minit mengambil vaksin AstraZeneca. Sebelum ini, saya ada membaca bahawa vaksin ini lebih banyak manfaat berbanding mudarat." - Pelajar, Ameen Juliyana Jalal, 23



Saya harap melalui program vaksinasi ini, rakyat Malaysia boleh kembali hidup normal kerana

pelbagai varian Covid-19 yang ada sekarang. Saya juga berharap lebih ramai rakyat Malaysia mengambil vaksin Covid-19 supaya sama-sama dapat mengekang penularan wabak itu." - Pengurus, Nik Mohd Nazrul Naim Nik Mustapha, 36